

InspiraSI

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپسي فندديتن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 19: 11 Mei 2026

KIESTA 2026 UPSI Bermula Meriah, Semangat Kebersamaan Warga Kampus Jadi Tumpuan

Tanjong Malim, 6 Mei - Majlis Perasmian Karnival Sukan Staf (KIESTA) 2026 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berlangsung meriah dengan pelbagai persembahan kreatif dan penuh warna-warni daripada lapan kontinjen yang berjaya mencuri perhatian warga universiti di Padang Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, baru-baru ini. Setiap kontinjen tampil dengan konsep tersendiri yang menghiburkan sekali gus mewujudkan suasana penuh sorakan dan keterujaan sepanjang acara berlangsung.

Persembahan yang dipamerkan turut mengetengahkan elemen budaya, filem dan warisan tempatan yang dekat dengan masyarakat.

Naib Canselor UPSI, Md Amin Md Taff berkata kemeriahan yang dipersembahkan jelas menggambarkan semangat kebersamaan warga universiti tanpa mengira pangkat dan latar

belakang. Menurut beliau, elemen seperti Zombie Kampung Pisang, Mat Kilau dan Kuda Kepang yang diketengahkan dalam persembahan menunjukkan keunikan serta perpaduan dalam

kalangan warga kampus. Katanya, walaupun persembahan dilihat santai dan sederhana, namun ia mempunyai nilai kebersamaan yang cukup tinggi. eliau turut memuji komitmen setiap kontinjen yang sanggup menjalani latihan selama berminggu-minggu demi memastikan persembahan

terbaik dapat dipersembahkan pada majlis perasmian. Jelas beliau, walaupun masih terdapat kekurangan, perkara itu bukan penghalang untuk warga universiti meraikan perbezaan dan menghargai kehebatan masing-masing. Semangat kerjasama yang ditunjukkan setiap pasukan juga membuktikan hubungan erat dalam kalangan warga UPSI terus kukuh. Dalam pertandingan persembahan kontinjen, kontinjen Rahman Talib muncul sebagai johan dengan kutipan 93 markah. Tempat kedua pula dimenangi kontinjen Kapten Yazid dengan 91 markah, manakala kontinjen Ahmad Bakhtiar berada di tempat ketiga selepas memperoleh 88 markah. Keputusan tersebut sekali gus menambahkan lagi kemeriahan dan semangat persaingan sihat dalam kalangan peserta yang mengambil bahagian. Menurut Md Amin, penganjuran KIESTA bukan sekadar platform sukan semata-mata, malah menjadi medium penting dalam membina jati diri, semangat kekeluargaan dan kecemerlangan dalam kalangan warga universiti. Beliau berkata, sukan bukan hanya untuk mencapai kemenangan, tetapi lebih penting dalam membentuk jiwa keinsanan dan hubungan silaturahim yang lebih erat. Pendekatan itu selari dengan usaha universiti dalam melahirkan warga kerja yang seimbang dari segi fizikal dan emosi.

KIESTA 2026 akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pertama pada 4 hingga 9 Mei serta 19 dan 20 Mei melibatkan 10 jenis sukan. Sementara itu, fasa kedua pula dijadual berlangsung pada 11 hingga 14 Oktober bersempena Hari Sukan Negara yang turut mempertandingkan 10 jenis sukan lain. Sebanyak 20 jenis sukan dipertandingkan merangkumi pelbagai kategori yang sesuai untuk semua peringkat umur termasuk acara seperti dam haji dan karom yang menjadi pilihan golongan veteran. Md Amin turut memaklumkan bahawa persediaan rapi yang telah bermula sejak 2024 diyakini mampu meningkatkan pencapaian UPSI dalam Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 2026. UPSI menasakinkan untuk berada dalam kelompok lima terbaik berdasarkan potensi besar yang dimiliki oleh atlet universiti dalam pelbagai acara seperti *strongman*, berbasikal dan golf. Sasaran itu juga mencerminkan keyakinan pihak universiti terhadap kemampuan atlet serta semangat warga UPSI dalam mengharumkan nama institusi di peringkat kebangsaan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI lancar kad keahlian Star Wellness Hub, perkasa agenda kampus sihat

Tanjong Malim, 7 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh agenda kesihatan dan kesejahteraan warga kampus apabila melancarkan Kad Keahlian *Star Wellness Hub UPSI* semalam.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata pelaksanaan Kad Keahlian *Star Wellness Hub* merupakan antara usaha strategik universiti dalam memperkukuh budaya hidup sihat secara menyeluruh dalam kalangan warga kampus dan komuniti setempat.

Menurut beliau, *Star Wellness Hub* berperanan sebagai pemangkin utama dalam menyokong hasrat universiti untuk melahirkan komuniti kampus yang lebih sihat, aktif dan produktif. "UPSI komited untuk memastikan agenda kampus sihat ini terus diperkasa melalui pendekatan bersepadu yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada kecergasan fizikal tetapi turut merangkumi kesejahteraan mental dan sosial warga universiti," ujar beliau. Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, Dr.

UPSI Perkukuh Agenda Wakaf Pendidikan Menerusi Peletakan Kubah I-Furqan

Tanjong Malim, 8 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh agenda wakaf pendidikan menerusi Majlis Perletakan Kubah Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (i-Furqan) yang berlangsung di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), Tanjong Malim, hari ini.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pembangunan institut berkenaan melambangkan komitmen universiti dalam memperkasakan pendidikan Islam secara holistik melalui sinergi wakaf, penyelidikan dan kerjasama strategik bersama sektor korporat. Menurut beliau, projek yang dibiayai sepenuhnya melalui dana wakaf dengan pewakaf utama Yayasan Rafulin itu juga merupakan kesinambungan kepada visi mantan Naib Canselor UPSI kelima,

Shazree Idzham Wahab Abdul Rahman, yang turut merasmikan pembukaan *Star Wellness Hub UPSI* di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKJ), Profesor Madya Dr. Jaffry Zakaria berkata pelancaran kad keahlian tersebut merupakan kesinambungan kepada pembangunan *Star Wellness Hub* sebagai pusat sehati kesejahteraan di UPSI. Beliau berkata *Star Wellness Hub* yang telah dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan pada 22 Januari 2025 menyediakan pelbagai kemudahan termasuk Mini Hyrox, Spin Bike, Mini Café, Aerobic Dance dan terapi urutan untuk manfaat warga kampus serta komuniti setempat. Dr. Jaffry turut menjelaskan bahawa kejayaan inisiatif tersebut telah membawa kepada pengiktirafan UPSI sebagai Kampus Perak *Exercise is Medicine On Campus* (EIM-OC) bagi sesi 2026-2027 oleh *American College of Sports Medicine* (ACSM), sekali gus mengukuhkan kedudukan universiti dalam agenda Kampus Sihat bertaraf antarabangsa.

Allahyarham Prof. Datuk Dr. Zakaria Kasa, yang memperjuangkan integrasi ilmu wahyu dan akademik di negara ini. "Institut ini akan menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang menggabungkan tradisi turath Islami dengan penyelidikan akademik moden di peringkat dunia," katanya. Beliau berkata UPSI komited menjadikan i-Furqan sebagai pusat rujukan utama dalam bidang tahfiz dan turath Islami yang mampu melahirkan generasi ilmuwan Islam berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Ia bukan sekadar sebuah bangunan, tetapi lambang usaha UPSI dalam membina ekosistem pendidikan yang mampan serta berteraskan nilai ilmu, wakaf dan pembangunan insan," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.



Penuntut UPSI bolot 'takhta' Battle of The Band Karnival Jom Heboh (KJH)

Batu Kawan, 7 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan CIMB Islamic menjalin kerjasama strategik bagi memperkasa UPSI Edu-Forest di Behrang menerusi penyaluran dana EcoSave-i berjumlah RM500,000 bagi menyokong pelbagai inisiatif pemuliharaan biodiversiti, pendidikan alam sekitar dan pembangunan komuniti lestari. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, kerjasama itu mencerminkan komitmen bersepadu antara universiti, industri dan komuniti dalam memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar serta pendidikan berasaskan alam semula jadi. Menurutnya, dana berkenaan disalurkan bagi menyokong pelaksanaan program berimpak tinggi di UPSI Edu-Forest yang diuruskan melalui Pusat Biodiversiti dan Konservasi (CeBEC) dengan sokongan Unit Transformasi Komuniti Universiti (UCTC).

"Majlis pelancaran ini bukan sekadar simbolik, tetapi menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi seperti pendidikan biodiversiti, sains komuniti, inovasi hijau dan dokumentasi khazanah alam yang akan memberi manfaat jangka panjang kepada generasi masa hadapan," katanya.

"Kita turut menghargai sokongan teknikal dan kepakaran daripada Forest House Sdn Bhd yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan aktiviti lapangan serta

pengukuhan ekosistem konservasi.

"Saya berharap kerjasama strategik ini akan terus diperkukuh dan diperluaskan pada masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) serta memperkukuh peranan UPSI sebagai peneraju pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Projek Kerjasama Strategik CIMB Islamic-CeBEC-UPSI Edu-Forest di UPSI Edu-Forest, Sungai Dara, Behrang dekat sini baru-baru ini. Dalam pada itu, Pengerusi CIMB Islamic, Datin Azlina Mahmad berkata, sebagai institusi kewangan Islam, CIMB Islamic melihat kelestarian sebagai satu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama demi kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar. Katanya, UPSI Edu-Forest bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pembelajaran dan penyelidikan untuk pelajar serta peminat, malah menjadi platform *citizen science* dan medium meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan biodiversiti.

"Pembangunan komponen seperti menara tinjau (watch tower), dek pemerhatian, denai hutan dan aktiviti penanaman semula turut membuka ruang penglibatan komuniti hijau termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi berkaitan dan sektor swasta dalam usaha

pemantauan biodiversiti dan pengumpulan data lapangan. "Projek itu juga memberi peluang kepada komuniti Orang Asli setempat untuk terlibat dalam pembinaan denai pembelajaran dan pengurusan nurseri sekali gus membantu menjana sumber pendapatan komuniti.

"Kita bukan sekadar membina sebuah hutan pembelajaran, tetapi membangunkan ekosistem ilmu yang menghubungkan manusia, alam dan masa depan," ujarnya. Sementara itu, Pengarah Urusan Forest House Sdn Bhd, Rayman Ariff Soh berkata UPSI Edu-Forest mempunyai potensi besar sebagai tapak pembelajaran, penyelidikan dan pendidikan alam sekitar kepada masyarakat umum.

"Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan termasuk pembinaan denai pembelajaran bersama komuniti Orang Asli Kampung Tibang, pembinaan dek pandang dan *watch tower*, aktiviti bancian pokok, kutipan biji benih serta penanaman semula bagi memastikan usaha konservasi dijalankan secara mampan dan berimpak jangka Panjang," jelasnya. UPSI Edu-Forest yang terletak di Hutan Simpan Behrang meliputi keluasan kira-kira 25 ekar dan mempunyai status perlindungan "triple gazetted", termasuk pewartaan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) serta komponen penting dalam Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)



Pulau Pangkor
Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam Bil 2/2026



Bangi
Majlis Peluncuran Program Skuad Agrokomoditi



Tanjong Malim
Persidangan Antarabangsa Pendidikan Tamil Perkukuh Kerjasama Global, Pemerkaasaan Teknologi Pendidikan



Kuala Lumpur
Pelajar Uzbekistan juara kategori antarabangsa Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2026